

13/09/2001

Pemimpin Malaysia kutuk serangan

ee Samshir; Rohaniza Idris; Tuan Nazuri Tuan Ismail
KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia yang menentang sebarang bentuk keganasan, mengutuk serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Pentagon, Washington, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengucapkan takziah kepada kerajaan dan rakyat Amerika Syarikat berikutan serangan itu yang mengorbankan beribu-ribu nyawa.

Dalam perutusan kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, Perdana Menteri berkata, kerajaan dan rakyat Malaysia bersimpati dengan nasib yang menimpa negara itu dan rakyatnya.

"Kerajaan dan rakyat Malaysia bersimpati dengan kejadian itu dan turut merasai penderitaan yang ditanggung rakyat Amerika Syarikat yang kehilangan ahli keluarga mereka," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mengutuk serangan itu yang disifatkan tidak berperikemanusiaan.

Dr Mahathir turut membatalkan lawatannya ke Russia, Jerman dan Britain pada saat akhir kerana ketidaktentuan yang timbul berikutan serangan di New York dan Washington serta penutupan semua lapangan terbang di Amerika Syarikat.

Perdana Menteri juga berpendapat buat masa ini semua pemimpin Eropah pasti sibuk dengan kejadian itu.

Dr Mahathir yang dijadualkan berlepas pada 11 malam tadi, sepatutnya singgah di London sebelum ke Russia bagi lawatan rasmi empat hari bermula Rabu diikuti lawatan tiga hari ke Jerman.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang berada di Hanoi bagi mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi Asean, berkata masyarakat antarabangsa perlu bekerjasama membanteras keganasan bagi menghalang kejadian seperti itu.

"Sekarang bukannya masa bagi sesiapa untuk mengkaji kesan kejadian itu dari segi ringgit dan sen," katanya selepas majlis perundingan antara Menteri-Menteri Ekonomi Asean dan Pesuruhjaya Kesatuan Eropah Pascal Lamy.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, pula berkata semua bahagian yang terbabit dengan keselamatan dalam negara sudah diarah berwaspada dan mengambil tindakan pengawasan secukupnya untuk melindungi harta awam.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik juga kesal dengan kejadian itu kerana mengorbankan banyak nyawa.

Beliau berkata, kejadian itu seharusnya dijadikan pengajaran dan peringatan kepada semua negara supaya lebih berjaga-jaga bagi menjaga keselamatan pesawat daripada dirampas.

Ketua Biro Hal Ehwat Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, bagaimanapun berharap kejadian itu tidak akan menjadi alasan bagi Amerika untuk melancarkan serangan agresif atau tindak balas ke atas negara Islam seperti Palestin, Kosovo, Iraq atau Libya.

Pemangku Setiausaha Agung Pemuda MCA, Liow Tiong Lai, pula meminta semua rakyat Malaysia menghormati dan mengikuti undang-undang bagi mengelak kejadian seperti itu berlaku di negara ini.

Katanya, tindakan pantas kerajaan mengharamkan beberapa kumpulan yang dianggap berbahaya adalah langkah bijak bagi memastikan keamanan dapat dikekalkan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berkata, juga memandang berat dan mengganggu serangan itu tidak berperikemanusiaan kerana membabitkan harta

benda, orang awam termasuk kanak-kanak, wanita serta orang tua.

Katanya, kejadian itu adalah jenayah terkutuk dan Pas menyampaikan takziah kepada kerajaan Amerika Syarikat terutama kepada keluarga mangsa yang terkorban dan cedera.

Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pula berharap pihak media tidak membuat spekulasi pihak mana yang terbabit melakukan serangan itu.

"Kejadian pengeboman di Oklahoma beberapa tahun yang mana pihak yang tidak bersalah telah ditahan dan dihukum sepatutnya dijadikan tauladan," katanya.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, berkata sudah tiba masanya kerajaan Amerika meneliti semula polisi luar negaranya yang menimbulkan kemarahan banyak pihak.

Penasihat Persatuan Kebajikan Islam Malaysia, Abdul Halim Pithaighani mengutuk serangan yang tidak berperikemanusiaan.

DI GEORGETOWN, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon turut melahirkan rasa sedih dan terkejut dengan serangan nekad itu serta mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli berkata, lebih banyak kepastian perlu diperolehi dari Wisma Putra terutama kemungkinan ada rakyat Malaysia terbabit.

"Kita akan dapatkan maklumat dari Wisma Putra. Apabila sesuatu kejadian berlaku di luar negara, sudah tidak ada lagi rakyat Perak, Kelantan atau sebagainya sebaliknya semua adalah rakyat Malaysia," katanya.

Di MIRI, Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, mengutuk serangan berkenaan, yang dianggap boleh menjejaskan ekonomi dunia.

Di KOTA BHARU, Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan, berkata kegawatan yang meragut ratusan nyawa termasuk orang awam itu patut dijadikan pengajaran oleh Amerika yang sebelum ini kerap mencampuri urusan dalaman negara lain.

(END)